

# Selami Tarikan Puntianak Dalam Filem Melayu

## Seminar genre filem seram ketengahkan pakar akademik dan filem

SEJAK kebelakangan ini, filem-filem hantu dan seram semakin mendapat tumpuan.

Keadaan itu bagaikan menghidupkan kembali zaman kegemilangan filem Melayu pada 1950-an, yang turut diwarnai dengan kisah-kisah hantu dan seram.

Pada waktu itu, antara 'watak' yang sering dihidupkan di layar perak ialah puntianak - seorang wanita yang meninggal dunia semasa atau selepas melahirkan.

Antara contoh ialah filem Sumpah Pontianak pada 1958.

Filem tersebut adalah antara filem pertama mengenai puntianak yang dihasilkan syarikat Cathay-Keris Productions.

Filem itu memaparkan watak puntianak sebagai anti-hero, yang tetap menjaga anak yang dilahirkannya daripada bahaya sedang ia menyerang manusia untuk menghisap darah mereka.

Hampir empat dekad kemudian, watak puntianak masih mempunyai tarikannya.

Pada 2004, filem Pontianak Harum Sundal Malam dihasilkan. Filem kontemporari itu ditulis dan diarahkan oleh pembikin filem Malaysia, Shuhaimi Baba.

Kali ini, watak puntianak dipaparkan sebagai hantu yang berdendam terhadap mereka yang terlibat dalam pembunuhannya.

Seperti yang dijangkakan, filem itu meraih keuntungan besar, bukan hanya di seberang Tambak, malah di seluruh rantau Asia Tenggara.

Untuk mengupas tarikan filem genre hantu dan seram, khususnya watak puntianak, Lembaga Warisan Negara (NHB) dan Taman Warisan Melayu (MHC) menganjurkan siri tayangan filem mengenai puntianak.

Tayangan filem tersebut, yang selesai diadakan minggu lalu, kini akan disusuli dengan seminar mengenai genre filem seram Melayu.

Anggota panel seminar tersebut termasuk pakar akademik dan filem seperti Profesor Madya Timothy Barnard daripada Jabatan Sejarah Universiti Nasional Singapura (NUS); Dr Adeline Kueh, pensyarah kanan Maktab Seni Lasalle; Dr Thomas Barker daripada Jabatan Sosiologi NUS dan pembikin filem setempat, Encik Eddin Khoo.

Tayangan filem dan seminar itu adalah gabungan antara MHC dengan Jabatan Pengajian Melayu NUS sebagai sebahagian daripada program tahunan, Seminar Seni Melayu dan Islam.

Menurut Pengurus Program MHC, Encik Mohamad Jamal Mohamad, tema filem seram Melayu dipilih bukan hanya kerana kepopularannya.

'Ia juga merupakan wadah yang baik untuk kita membincangkan isu-isu yang lebih mendalam seperti peranan lelaki dan wanita serta kebimbangan nasional,' ujarnya.

Encik Jamal menambah, menerusi program tersebut, MHC juga sedang meneroka cara-cara baru bagi mempromosi warisan dan budaya Melayu, terutama dalam kalangan generasi muda.

**Nota:** Seminar 'Malay Horror Film Genre' akan diadakan pada 27 Oktober di Fakulti Sastera dan Sains Sosial NUS (AS2 LT 12) pada 7.30 malam. Masuk percuma.